

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 19 Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA NOVEMBER 2023

**Eksport Malaysia susut 5.9 peratus atau RM7.6 bilion, disumbangkan
terutamanya oleh permintaan yang lebih rendah bagi
barangan elektrik & elektronik**

PUTRAJAYA, 19 Disember 2023 – Pertumbuhan global yang sederhana serta permintaan luaran yang lemah terhadap barangan Malaysia mendorong penguncupan jumlah perdagangan terutamanya eksport. Jumlah perdagangan menyusut 2.4 peratus kepada RM231.8 bilion dan eksport berkurang 5.9 peratus kepada RM122.1 bilion. Sebaliknya, import kembali merekodkan peningkatan 1.7 peratus kepada RM109.7 bilion, tahun ke tahun setelah lapan bulan berturut-turut merekodkan kejatuhan. Lebihan dagangan menurun 43.1 peratus kepada RM12.4 bilion pada November 2023 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, NOVEMBER 2023**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Prestasi eksport Malaysia merosot pada November 2023 selaras dengan penurunan eksport domestik. Eksport domestik bernilai RM95.9 bilion yang menyumbang 78.5 peratus kepada jumlah eksport, berkurang 7.4 peratus. Manakala, eksport semula berjumlah RM26.2 bilion, menokok secara marginal 0.1 peratus berbanding November 2022. Import pada November 2023 bernilai RM109.7 bilion, meningkat 1.7 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas. Sementara itu, lebihan dagangan dengan jumlah RM12.4 bilion merupakan lebihan dagangan ke-43 bulan berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Oktober 2023, prestasi eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan kembali merekodkan penyusutan masing-masing 3.2 peratus, 3.1 peratus, 3.1 peratus dan 3.8 peratus.”

Meninjau dari sudut kumpulan barangan, 125 daripada 257 kumpulan barangan eksport menunjukkan penurunan, manakala 146 daripada 258 kumpulan barangan import meningkat berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan bahawa eksport yang lebih rendah disumbangkan oleh penurunan terutamanya ke Singapura (-RM3.7 bilion) diikuti oleh Jepun (-RM1.6 bilion), China (-RM1.6 bilion), Hong Kong (-RM1.2 bilion) dan Amerika Syarikat (-RM1.2 bilion). Sementara itu, peningkatan import terutamanya disumbangkan dari Singapura (+RM2.4 bilion) diikuti oleh Arab Saudi (+RM1.4 bilion), Amerika Syarikat (+RM1.0 bilion) dan Thailand (+RM545.7 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, penyusutan selaras dengan pengurangan eksport barangan elektrik & elektronik (-RM7.3 bilion); kimia & bahan kimia (-RM1.1 bilion); dan kelengkapan pengangkutan (-RM1.0 bilion). Sementara itu, pertambahan import dicatatkan bagi kelengkapan pengangkutan (+RM1.8 bilion); petroleum mentah (+RM1.1 bilion); dan keluaran petroleum (+RM774.4 juta).

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan modal dan barangan penggunaan. Import barangan modal bernilai RM14.9 bilion, berkembang 53.3 peratus berbanding November 2022, merangkumi 13.6 peratus daripada jumlah import. Barangan penggunaan (8.9% daripada jumlah import) menokok 2.2 peratus daripada RM9.5 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM9.7 bilion. Barangan perantaraan (51.2% daripada jumlah import) bernilai RM56.2 bilion, mencatatkan kemerosotan 5.2 peratus atau RM3.1 bilion."


Di samping itu, jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan bagi tempoh Januari hingga November 2023 kembali mencatatkan penurunan. Jumlah dagangan jatuh 7.5 peratus, dari RM2.6 trilion kepada RM2.4 trilion, sejajar dengan penyusutan eksport (-7.8%) serta import (-7.1%). Pada masa yang sama, lebihan dagangan merosot 11.3 peratus bagi mencatatkan nilai RM202.5 bilion.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2022 – Nov 2023
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2019 – 2023 (Jan - Nov)



Carta 3: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC),
Jan 2022 – Nov 2023
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum
2019 – 2023 (Jan - Nov)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

19 DISEMBER 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, December 19th, 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS
NOVEMBER 2023

Malaysia's exports slipped 5.9 per cent or RM7.6 billion, attributable mainly to lower demand for electrical & electronic products

PUTRAJAYA, December 19, 2023 – Modest global growth and vulnerability in external demand for goods from Malaysia led to a contraction in total trade, especially exports. Total trade shrank by 2.4 per cent to RM231.8 billion and exports decreased 5.9 per cent to RM122.1 billion. On the contrary, imports rebounded to note an increase of 1.7 per cent to RM109.7 billion, year-on-year after eight consecutive months of decline. Trade balance fell by 43.1 per cent to RM12.4 billion in November 2023 as reported today in **MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS BULLETIN, NOVEMBER 2023**. This bulletin also presents the performance of export and import products with its trading partners.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's export performance reduced in November 2023 in line with the decline in domestic exports. Domestic exports worth RM95.9 billion, contributing 78.5 per cent to total exports dropped by 7.4 per cent. While, re-exports amounted to RM26.2 billion, grew marginally 0.1 per cent as compared to November 2022. Imports in November 2023 worth RM109.7 billion, increased by 1.7 per cent as compared to the same month last year. Meanwhile, trade surplus was valued at RM12.4 billion was the 43rd consecutive month of trade surplus since May 2020. As compared to October 2023, the performance of exports, imports, total trade and trade balance recorded a contraction of 3.2 per cent, 3.1 per cent, 3.1 per cent and 3.8 per cent, respectively."

From the perspective of the commodity group, 125 out of 257 export groups showed a decline, however 146 out of 258 import groups increased as compared to the same month of the previous year.

Chief Statistician Malaysia explained that the slower exports was attributable to the decline mainly to Singapore (-RM3.7 billion) followed by Japan (-RM1.6 billion), China (-RM1.6 billion), Hong Kong (-RM1.2 billion) and the United States

(-RM1.2 billion). Meanwhile, higher imports was mainly contributed from Singapore (+RM2.4 billion) followed by Saudi Arabia (+RM1.4 billion), the United States (+RM1.0 billion) and Thailand (+RM545.7 million).

Commenting further on exports, the fall was in line with the drop in electrical & electronic products (-RM7.3 billion); chemical & chemical products (-RM1.1 billion); and transport equipment (-RM1.0 billion). Meanwhile, the increase in imports was logged for transport equipment (+RM1.8 billion); crude petroleum (+RM1.1 billion) and petroleum products (+RM774.4 million).

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The rise in imports by End Use was in line with higher demand for capital goods and consumption goods. Imports of capital goods with a value of RM14.9 billion, rose by 53.3 per cent as compared to November 2022, representing 13.6 per cent of total imports. Consumption goods (8.9% of total imports), grew by 2.2 per cent from RM9.5 billion in the previous year to RM9.7 billion. Intermediate goods (51.2% of total imports), valued at RM56.2 billion, registered a decrease of 5.2 per cent or RM3.1 billion."

Accordingly, total trade, exports, imports and trade surplus for the period of January to November 2023 registered a reduction. Total trade fell by 7.5 per cent, from RM2.6 trillion to RM2.4 trillion, in line with the declined in exports (-7.8%) as well as imports (-7.1%). At the same time, trade surplus decreased by 11.3 per cent to post a value of RM202.5 billion.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agriculture Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: External Trade Statistics, Jan 2022 – Nov 2023
(Value and Annual Percentage Change)







Chart 2: External Trade Statistics, 2019 – 2023 (Jan - Nov)



*Chart 3: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,
Jan 2022 – Nov 2023
(Value and Annual Percentage Change)*



*Chart 4: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,
2019 – 2023 (Jan - Nov)*



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

19 DECEMBER 2023